

06/04/2002

Pembaharuan berani, tegas bagi hadapi realisme baru

Abdullah Ahmad

SAMA ada disukai atau tidak, era globalisasi, k-ekonomi, teknologi maklumat (IT) dan realisme baru sudah bermula dan mengancam hidup kita.

Oleh itu, terserah kepada diri kita sama ada mahu menghadapinya atau tertinggal. Banyak perkembangan dunia hari ini yang sudah, sedang dan akan berlaku, mempengaruhi kita.

Penjajahan selama lebih 440 tahun, kemerdekaan selama 45 tahun dan pelbagai dasar yang diperkenalkan kerajaan, semuanya menuntut perubahan - sesetengahnya pembaharuan yang berani dan tegas.

Peristiwa serangan 11 September telah dan terus memberi kesan kepada seluruh dunia, termasuk Malaysia. Ia bukan saja memberi kesan terhadap politik dan ekonomi, bahkan psikologi manusia.

Untuk memelihara kebebasan negara kita dan bagi meningkatkan kemajuannya, rakyat yang berpengetahuan, gigih, menguasai pelbagai bahasa dan berbakat adalah mustahak.

Sebagaimana amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jika orang Melayu tidak mahu mengejar ilmu, jangan pula orang Melayu marah atau kecewa jika tugas penting dipegang oleh bukan Melayu satu hari nanti.

Dulu orang Melayu nyaris-nyaris hilang kuasa kerana empat sebab - mereka minoriti dalam negara sendiri, kedua tiada berpengetahuan dan tiada kekuatan ekonomi serta bahasanya tiada nilai ekonomi.

Sekarang kita cuma berdepan tiga masalah saja, iaitu kekurangan ilmu IT, kecekapan dalam bahasa Inggeris dan ketahanan. Kita juga perlu iltizam yang kuat dan jangan ada perasaan rendah diri tetapi jangan pula menyombong tak tentu hala.

Bangsa Melayu perlu memandang keluar dan ke masa hadapan dengan lebih serius lagi, khususnya dalam konteks menghadapi ekonomi, politik antarabangsa dan kepentingan strategik yang kian berubah-ubah dan mencabar.

Amerika Syarikat, kuasa terbesar dan terunggul, sedang menunjukkan taringnya, terutama dalam persengketaan Israel-Palestin. Orang Islam hanya setakat membuat keputusan tetapi dalam dunia kini, kekuatan yang menakluki, bukan resolusi.

Mesyyuarat Menteri-Menteri Luar Liga Arab dan Menteri Luar OIC membuat keputusan tetapi tidak dihiraukan kerana kita tiada kekuatan.

Siapa mahu pandang pada kita kalau dalam mesyyuarat di Kuala Lumpur pun, kita tidak boleh benar-benar ada kata sepakat mengenai takrif pengganas.

China pula bakal menjadi gergasi ekonomi dan kuasa besar. Apakala ia bangkit, China akan lebih berpengaruh dan lebih mengancam daripada Soviet Union. India satu lagi kuasa yang sedang membangun.

Saya baru pulang dari kedua-dua negara dan selain pembacaan dan diskusi dengan pemimpin dan intelektual mereka, saya terlihat potensi mereka amat jelas.

Kesatuan Eropah satu lagi kuasa yang sedang meningkat, begitu juga Israel, suka atau tidak. Di rantau kita pun, ada negara yang Israel adalah modelnya.

Dalam demokrasi, lazimnya jumlah keanggotaan bangsa itu menjamin kemenangan dalam pilihan raya, tetapi tidak semestinya kalau majoriti itu dimanipulasi oleh wang, hiburan dan perpecahan sesama sendiri.

Di Amerika Syarikat, keturunan Yahudi terkecil jika dibandingkan dengan kulit hitam Amerika atau keturunan Sepanyol. Tetapi dalam dunia korporat, medan politik, jemaah menteri, kehakiman, di universiti, industri

perfileman dan media, Yahudi adalah majoriti dan mereka adalah tonggak 'establishment' AS.

Situasi politik domestik agak aman tapi ia terus bergolak dan isu baru akan muncul yang kita mesti tahu menangannya.

Benar suhu politik telah berubah. Pemikiran dan persepsi minda Melayu pun sudah jauh ke depan tapi tidak sejauh dan sederas persepsi bukan Melayu.

Kemenangan Barisan Nasional (BN) di Indera Kayangan dan terakhir di Ketari satu petanda baik tapi jangan pula kita jadi 'complacent' (ambil senang).

Bahkan BN, terutama Umno, mesti terus lebih kuat, telus, cekap dan amanah kerana pengundi telah mulai kembali menyokongnya.

Keputusan di Ketari meninggalkan banyak iktibar dan pengajaran. Ia menunjukkan rakyat semakin cerdik dan menuntut ketelusan dalam semua perkara.

Mereka lebih suka dengan pihak-pihak yang sedia mengakui kelemahan daripada cuba menyembunyikannya. Namun begitu, dalam politik, satu minggu amat panjang masanya.

Kalau kita berfikir bukan Melayu masih pada takuk lama dan tidak meningkat atau dalam keadaan bertahan atau berundur, kita adalah satu kumpulan yang benar-benar sempit pemikiran yang akan membawa kebinasaan kepada diri kita.

Sokongan tidak boleh diharap dengan semata-mata mengapiakan perkauman atau simpati sebagaimana yang menyebabkan kekalahan parti pembangkang. Rakyat mahu program yang dapat menjamin masa depan mereka dan generasi akan datang.

Mereka bijak menghakimi siapa bercakap benar dan siapa pula yang bersandiwara dalam menagih sokongan.

Lebih baik berterus-terang daripada cuba menyorok-nyorokkan sesuatu daripada mereka kerana lambat-laun kebenaran akan diketahui juga. Kerana itu, kata mesti dikota, janji mesti terlaksana.

Katakan kebenaran secara adil, diperkukuhkan oleh fakta dan dalil. Tanpa emosi, tanpa kepalsuan.

Pada masa yang sama, orang Melayu mesti pandai mengimbangkan lahiriah dan rohaniah - antara budaya tradisional dan budaya kosmopolitan, antara dunia dan akhirat.

Kalau tidak, kita sekali lagi akan hanyut. Kalau kita mengalir dan surut, kita akan kekeringan buat selama-lamanya.

Kita harus bersaing dan bekerjasama dengan rakyat Malaysia daripada keturunan lain yang lebih maju, lebih bertekad dan berani mengambil risiko. Bangsa kita harus terdedah kepada pandangan yang lebih luas, canggih dan boleh melukis di atas kanvas yang lebih besar dan lebar.

Bangsa kita kini disogok dengan idealisme yang nampaknya menarik tetapi sebenarnya tidak realistik dengan keadaan yang wujud. Lihat apa terjadi di Timur Tengah.

Kita wajib berterus terang dan dengan penuh bertanggungjawab serta berfikir buruk baiknya idealisme ini. Melayu tidak akan maju dan canggih kalau perspektif kita hanya berkisar kepada masalah dalaman dan agama.

Agama adalah perkara terpenting tetapi terapkanlah ajaran agama yang positif dan bukannya negatif sambil mengelek ilmu dunia - sains, teknologi dan profesion.

Unsur-unsur negatif inilah nampaknya sedang merebak. Orang kita, kerana asyik dengan ilusi, terpicat dengannya dan akan merana kerananya.

Kalau bangsa kita bertekad secara serius bagi menghadapi masalah masa depan - menguasai pendidikan dan ekonomi - putera dan puteri kita haruslah mempunyai orientasi dan pendekatan bijak, berdikari, tegas dan kreatif.

Tanpa perubahan sikap dan komitmen kepada pendidikan yang tidak berbelah

bahagi, kita tidak mungkin dapat mengejar pencapaian tertinggi.

Dengan galakan dan semangat kebangsaan yang tinggi, orang Melayu berupaya mencapai apa yang diinginkan. Syaratnya kita ubah sikap.

Kini orang Melayu adalah penduduk majoriti tetapi dalam desa sejagat, yang terpenting adalah kualiti, bukan kuantiti.

Kalau bangsa kita bersatu teguh, kurangkan politik, lipat gandakan belanja, masa dan minat pada pendidikan dalam pelbagai bahasa dan pemimpin pula ada wawasan dan berilmu, kita boleh menterjemahkan idea, hasrat dan impian Melayu dan negara ini dengan senang.

Bangsa kita ramai, terutama wanita di universiti dan kolej, tetapi jumlah saja tidak mencukupi. Kita mahu lihat juga kualiti graduan kita. Bukan ijazah berjela-jela yang menentukan baik buruk seseorang, sebaliknya hasil usahanya.

Ujian sebenar bukanlah dalam mendapatkan ijazah. Ijazah cuma memberi permulaan atau 'good start' saja. Yang terpenting ialah kesudahan larian hidup.

Penguasaan bahasa penting dan ijazah juga penting tetapi yang terpenting ialah pengetahuan.

Usaha bagi meningkatkan pencapaian akademik - kunci kejayaan sosial, politik dan ekonomi - tidak boleh bulat-bulat diserahkan kepada kerajaan saja. Ia mesti juga terletak di atas iltizam individu Melayu.

Kalau Melayu insaf, mereka tidak akan lagi terpinggir di negara sendiri selepas 45 tahun merdeka. Kita harus melihat kepada pendidikan yang lebih luas dan relevan dengan tuntutan zaman.

Kita harus bersedia untuk terus belajar dan belajar semula dalam apa bahasa pun. Suka tidak suka, bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi dunia kini dan masa depan.

Empat puluh lima tahun selepas kepulungan Inggeris daripada menjajah tanah air kita, penguasaan bahasa Inggeris di kalangan sebahagian besar kita juga sudah amat rosak. Padahal kita seharusnya junjung bahasa ibunda dan kelek bahasa Inggeris.

Satu masa dulu Malaysia dianggap sebagai negara yang penguasaan bahasa Inggerisnya tertinggi. Tidak lagi!

Bahasa Melayu pun kita tidak junjung 100 peratus dan kita benarkan bahasa Inggeris tercicir. Siapa yang hendak kita salahkan melainkan diri kita sendiri.

Keempat-empat Perdana Menteri kita, daripada Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Razak, Tun Hussein dan Dr Mahathir semuanya menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Mereka tidak pula kurang penguasaan bahasa Melayu, malah penguasaan bahasa Melayu mereka lebih baik daripada penguasaan bahasa Inggeris kebanyakan pemimpin kini.

Penggunaan bahasa Inggeris oleh Presiden Jiang Zemin ketika mempengerusikan persidangan Apec Ke-9, walaupun beliau tidak berpendidikan Inggeris, memperlihatkan bahawa China dan rakyatnya memburu dengan penuh tekad untuk menguasai bahasa antarabangsa yang tersendiri lagi terulung itu.

Jiang Zemin, walaupun berumur 75 tahun, sedia belajar dan terus belajar walhal bahasa Mandarin adalah lebih lengkap dan saintifik daripada bahasa kita walaupun kita cuba satu ratus tahun lagi.

Bangsa Arab seperti China mengejar bahasa Inggeris walaupun bahasa Arab adalah bahasa al-Quran.

Satu bangsa itu terkenal dan disanjung tinggi kerana pelbagai sebab. Amerika Syarikat kerana kuasa ketenteraan, keilmuan, ekonomi dan teknologinya. Eropah Barat kerana tamadunya, China kerana peradabannya dan Jepun pula kerana kebangkitan dan kemajuan ekonominya.

Budi bahasa menunjukkan seseorang, bangsa dan kelompok itu berbangsa

kerana kemuliaan dan kehormatan sejati tidak boleh dinilai dengan harta dan kebendaan, kekuatan atau jumlah bilangan bangsanya. Kualiti menguasai dunia, bukan kuantiti.

Rumpun Melayu terkenal beradab, beresam, bersopan santun, berbudi dan berbahasa. Namun, kita lazimnya mengenang budi orang hingga kadang kala terlalu berbudi, toleransi, bertimbang rasa dan bertolak ansur hingga kampung tergadai.

Lihatlah kepada negara-negara Arab sebagai pengajaran. Sudahlah mereka tidak bersatu, dari segi percaturan politik juga, mereka ketinggalan. Negara-negara Arab tidak ada kekuatan.

Bagaimana mereka mahu melawan Yahudi? Kerana itu, kita tidak harus hanya jadi jaguh kampung, sebaliknya diiktiraf masyarakat antarabangsa.

Dr Mahathir diiktiraf seluruh dunia kerana keberaniannya kalau pun tidak kerana kebijaksanaannya hinggakan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) turut akur.

Sebaliknya, apa sudah jadi dengan Argentina yang ikut telunjuk IMF? Dalam hubungan ini, pegawai kerajaan, terutamanya, tidak harus takut membuat keputusan.

Sama ada sesuatu keputusan itu dilihat sebagai baik atau sebaliknya, ia mesti dilakukan dengan pertimbangan tanpa berlengah.

Tun Razak selalu berpesan mengenai perlunya mengambil risiko dalam membuat keputusan. Asalkan tiada niat tersembunyi di sebaliknya dan jangan rasuah.

Jangan seperti Tabung Haji dan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) hingga menjadikan Melayu dan Islam malu. Sanggup mereka mengganas apa yang ditujukan kepada kebajikan orang termiskin dan mereka yang mahu menunaikan fardu haji.

Kenyataan Dr Mahathir bahawa beliau tidak akan melindungi mereka yang korup amat disanjung. Keputusan yang berpegang kepada pendekatan bersih, cekap amanah dan praktikal akan diterima orang ramai.

Hari ini kita masih melihat sifat feudal yang keterlaluan. Sifat-sifat seperti ini perlu dikikis.

Pemimpin mestilah mudah didekati dan dapat meluangkan masa mendengar rintihan dan masalah mereka yang memerlukan bantuan.

Malaysia hari ini sudah menempa banyak kemajuan dan antara negara terbaik dalam rumpun Asean dan sudah tentu sebuah negara Islam termoden.

Meskipun sebuah negara jiran kita lebih maju dari segi per kapita, banyak lagi kemajuan Malaysia yang kalau dihipunkan dapat menenggelamkan tanah sekanggang kera mereka itu.

(END)